

SULIT

Nama Kelas



UJIAN PERCUBAAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH NEGERI PAHANG 2009

BAHASA MELAYU - PENULISAN (SK)

012

Julai

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **kelas** kamu pada ruang yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
3. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
4. Bagi **Bahagian B**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.**
5. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60


Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima** ayat yang lengkap berdasarkan aktiviti dalam gambar di bawah.



Bahagian B

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 40 minit]

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan**.

- 1 Tulis sebuah karangan yang bertajuk, "Sahabat Karib Saya".

ATAU

- 2 Kamu pernah mengikuti lawatan ke tempat-tempat yang menarik. Tulis sepucuk surat kepada sahabat kamu dan ceritakan tentang lawatan tersebut.

ATAU

- 3 Tulis syarahan yang bertajuk, "Kebaikan Menyertai Aktiviti Kokurikulum".

Bahagian C

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

Tulis **lima** pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Ibu menyuruh Rizal pergi ke kedai untuk membeli barang. Tanpa membantah, dia terus pergi ke kedai. Walaupun mempunyai basikal, dia lebih gemar berjalan kaki kerana ingin mengekalkan kecergasannya. Dia merupakan atlet olahraga sekolah. Rizal tidak pernah cuai ketika di jalan raya. Dia berjalan di bahu jalan dan menentang arus lalu lintas.

Sewaktu hendak melintas, Rizal temampak seorang lelaki tua ingin melintas jalan. Dia amat kasihan melihat lelaki itu. Dia memimpin tangan lelaki tua itu menyeberang jalan. Selepas itu, dia terus ke kedai untuk membeli barang yang dipesan ibunya. Rizal memastikan semua barang yang dipesan telah dibeli.

Setelah selesai, dia terus pulang ke rumah. Dia memulangkan baki wang kepada ibunya. Ibu Rizal mengucapkan terima kasih kepadanya. Rizal berasa gembira kerana dapat membantu ibunya.